

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KOR MING**

**KAWASAN : TAIPING**

**NO. SOALAN : 234**

Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah langkah dan rancangan Kerajaan untuk menunaikan janji dalam manifesto BN bahawa harga kereta akan jatuh sebanyak 30 peratus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan kekal komited terhadap manifestonya semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) untuk menurunkan harga kenderaan secara berperingkat antara 20 hingga 30 peratus menjelang tahun 2018.

Sehubungan itu, Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang telah diumumkan pada 20 Januari 2014 merupakan antara langkah Kerajaan ke arah liberalisasi industri automotif tempatan supaya menjadi lebih progresif dan berdaya saing.

ia juga telah mewujudkan pesaingan harga kenderaan yang lebih sengit di pasaran tempatan. Sebagai contoh, sepanjang tahun 2014, terdapat penurunan harga bagi beberapa lagi model kenderaan penumpang, iaitu antara 9 hingga 29 peratus. Penurunan harga kenderaan pada tahun 2014 ini dianggarkan telah meliputi 80 peratus daripada jumlah jualan kenderaan. Bagi tahun 2015, purata penurunan harga yang telah dicapai sehingga kini adalah sebanyak 2.77 peratus.